

13/05/1998

Malaysia bantah pusingan alaf 2000

Mior Kamarul Shahid

KAHERAH, Selasa - Malaysia membantah sebarang cadangan untuk mengadakan satu rundingan baru perdagangan yang dipanggil rundingan 'pusingan alaf 2000' pada persidangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), di Geneva minggu depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Malaysia tidak dapat menerima desakan daripada mana-mana pihak yang mahu rundingan baru untuk membincangkan semula soal semua bidang perdagangan.

Sebaliknya, Malaysia berpendapat pelbagai perkara yang belum selesai dalam Pusingan Uruguay, hendaklah diuruskan terlebih dulu. Perundingan baru seperti itu tidak harus dibincangkan tahun ini.

"Bagi Malaysia, isu yang ada di depan kita ialah masalah pemulihan ekonomi. Kita tidak ada masa memberi penumpuan untuk membincangkan sekali lagi perkara berkaitan rundingan baru perdagangan pelbagai hala dalam masa yang suntuk," katanya kepada pemberita selepas mengikuti sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan negara membangun Kumpulan 15 (G15) Kelapan, di sini, malam tadi.

Malaysia diwakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hari ini, semua ketua negara dan kerajaan G15 berbincang sambil berehat di Sharm El-Shiekh, Sinai, sebuah pusat perangan bersejarah di Mesir.

"Sungguh pun mendapat tekanan daripada negara maju, Malaysia berpegang teguh kepada konsep kalau kita boleh menawarkan pembukaan pasaran bagi sektor tertentu dengan cepat, kita haruslah berbuat demikian melalui liberalisasi sektoral. Ia tidak seharusnya dilakukan menerusi apa yang dipanggil multilateral dalam bentuk global atau komprehensif yang membabitkan semua barang dan semua perkara," katanya.

Rafidah menjelaskan, buat masa ini, Malaysia sebagai negara membangun, tidak berupaya berbuat demikian kerana banyak masalah lain yang perlu dihadapi terlebih dulu.

Menurutnya, pandangan Malaysia itu dipersetujui banyak negara ketika mesyuarat peringkat Menteri Perdagangan G15.

"Banyak negara mempunyai pendirian yang sama dengan Malaysia mengenai WTO. Ketua negara dan kerajaan G15 menerima perakuan mesyuarat menteri perdagangan iaitu Malaysia sendiri mengedarkan kertas dasar mengenai pendirian negara membangun dalam WTO, terutamanya bagi menghadapi mesyuarat pertubuhan itu minggu depan," katanya.

Antara lain, Malaysia menegaskan isu baru dalam WTO tidak perlu diteliti. Sebaliknya, Malaysia mencadangkan supaya komitmen pada masa lalu hendaklah dilaksanakan terlebih dulu.

"Apa agenda yang ada di depan kita, itu sajalah yang dilaksanakan. Perkara lain hanyalah sebagai perkara untuk menambah pengetahuan, contohnya kalau kita hendak membincangkan soal perolehan kerajaan atau isu lain, ini hanyalah sekadar untuk mendapat maklumat saja. Ia tidak harus dibincangkan dalam WTO sebagai isu perdagangan," katanya.

Mengenai perbincangan Sidang Puncak G15 hari pertama, Rafidah berkata, Dr Mahathir mengemukakan kertas dasar mengenai masalah kewangan di rantau Asia dan menjelaskan dengan terperinci impak negatif atau kesan daripada penurunan nilai mata wang dan masalah sosial dan ekonomi yang timbul.

Pandangan Dr Mahathir disambut baik oleh beberapa pemimpin seperti Preisen Zimbabwe, Robert Mugabe yang turut menceritakan pengalaman negaranya baru-baru ini iaitu akibat kegiatan perdagangan mata wang,

mereka juga mengalami kesan negatif.

"Jadi saya percaya dalam mesyuarat ini, ketua negara dan kerajaan G15 dan pertubuhan lain akan membuat penentuan tertentu untuk menangani bersama masalah perdagangan mata wang," katanya.

(END)